

# FALSAFAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM ISLAM: SUATU ANALISIS KARYA AL-ZARNŪJĪ<sup>1</sup>

Oleh:  
Wan Suhaimi Wan Abdullah

## Abstract

*The problem of teaching and learning is a fundamental issue in human and nation development. Man without knowledge is valueless and knowledge without a clear concept in it's teaching and learning is impasse and fruitless. Therefore, a generic, accurate and contemporary explanation of the concept is needed in order to establish a right force and field for the development of knowledge. This paper attempts to elaborate an Islamic tradition and concept of teaching and learning as an alternative in solving the related problems. This basically will be based on an analysis of al-Zarnūjī's Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum where the current challenges facing the teachers*

---

<sup>1</sup> Makalah ini asalnya adalah kertas kerja penulis yang dikemukakan kepada *International Seminar on Learning and Motivation: Insight from Multiple Perspectives*, anjuran Institut Kemajuan Pendidikan dan Pembangunan Remaja dan Kanak-kanak (IKRAK), Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia pada 8-10 Oktober 2001, di Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada saudara Mohd Zaidi Ismail, sarjana penyelidik di ISTAC, yang telah mencadang dan menyediakan beberapa bahan tambahan dalam menyiapkan makalah ini. Beliau juga telah bermurah hati membaca draf makalah dan memberikan teguran membina terutama dari segi bahasa tulisan.

*and students are reconsidered. In general, the scope of this paper is focused on an exposition and re-evaluation of the Islamic concept of teaching and learning, especially as demonstrated by al-Zarnūjī. It is hoped that it will propose a comprehensive interpretation on issues related to place and reality of knowledge, as important criteria in choosing knowledge and teachers, the importance of mental and spiritual preparation in the process of teaching and learning, and some basic techniques in acquiring knowledge.*

## **Pendahuluan**

Persoalan pendidikan merangkumi dua aspek asas iaitu pengajaran dan pembelajaran. Kedua-duanya merupakan persoalan pokok dalam memastikan pembangunan manusia dan negara yang sihat. Kemanusiaan manusia adalah pada keilmuannya. Ilmu tanpa suatu konsep yang jelas tentang pembudayaannya yang merangkumi pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin dapat dikembangkan dan dimanfaatkan dengan baik.<sup>2</sup> Oleh yang demikian, penjelasan yang menyeluruh, tepat dan bersesuaian dengan peredaran zaman tentang sesuatu konsep adalah perlu dalam usaha menyediakan tenaga dan lapangan yang sesuai demi perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan.

Islam sebagai agama dan kehidupan sememangnya mempunyai sifat keistimewaan yang unik. Khusus di dalam bidang keilmuan dan pendidikan, terdapat banyak konsep-konsep umum yang unik, sesuai dan boleh terus disesuaikan dengan perkembangan ilmu dan tamadun manusia. Makalah ini akan cuba mengetengahkan sebahagian daripada tradisi dan konsep ini sebagai suatu alternatif dan penyelesaian kepada persoalan-persoalan yang berkaitan berdasarkan karya al-Zarnūjī *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum*. Perbincangan umumnya akan tertumpu kepada usaha menampilkan

<sup>2</sup> Lihat tentang kepentingan ilmu, Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu*, (Kuala Lumpur: DBP, 1997), h. 2-5, seterusnya disebut *Budaya Ilmu*.

nilai-nilai sejagat sistem dan falsafah pengajaran dan pembelajaran dalam Islam. Ini diharapkan dapat memaparkan suatu tafsiran yang lebih komprehensif tentang hakikat ilmu dan kedudukannya, pemilihan ilmu dan guru, kepentingan persediaan mental dan spiritual dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta teknik asas dalam perolehan ilmu.

### Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran Islam

Ilmu pengetahuan adalah unsur, bahkan tuntutan yang jelas di dalam Islam. Islam pada dasarnya didirikan atas asas ilmu dan kefahaman. Keimanan secara taklid semata-mata, dalam keadaan tertentu, dipertikaikan.<sup>3</sup> Ketinggian dan kemuliaan ilmu dan ilmuwan dalam Islam amat pasti. Ini terbukti dari sumber asas Islam dan fakta sejarah umatnya. Kemunduran umat Islam kini antara lain disebabkan pengabaian ilmu, sama ada dari sudut kelemahan penguasaan ilmu mahu pun kerana kekeliruan dalam memahami konsep dan tanggungjawab ilmu itu sendiri. Tambahan lagi, aliran dan pendekatan falsafah pendidikan Barat yang lebih menekankan “profesionalisme” semata-mata lebih dari pembentukan individu ilmuwan yang baik dan “beradab”, semakin memburukkan lagi keadaan.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Ibn ‘Abd al-Barr, *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlihi*, (Kaherah: Dār al-Fath, t.t.), 2: 109-20; al-Ghazālī, Abū Ḥamīd, *al-Munqidh min al-Ḍalāl*, (Istanbul: Hakikat Kitabevi, 1994), h. 10-1 dan Al-Zarnūjī, *Burhān al-Islām*, Kitāb Ta’līm al-Muta’allim Ṭariq al-Ta’allum, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir Ahmad, (Kaherah: Maṭba’ah al-Sa’ādah, 1986), h. 99, seterusnya disebut *Ta’līm*.

<sup>4</sup> Al-Attas, S. M. N., *Islam and Secularism*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), p. 149-52, Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998) khususnya p. 123-4 dan 132 dan Faisal Osman, “Pendidikan Islam: Konsep dan Realiti”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 2: Bil. 1, 1989, (Kuala Lumpur: ABIM), h. 1-3, seterusnya disebut *Pendidikan Islam*. Profesor Wan Mohd Nor Wan Daud juga ada menulis huraian lengkap tentang persoalan ini dalam makalah bertajuk “Insan Baik Teras Kewarganegaraan Mengarah Ombak Kesejagatan dan Kepelbagaian” dalam *Jurnal Pemikir*, (Jan-Mac, 1996), seterusnya disebut *Insan Baik*, h. 1-24.

Islam, dalam mempromosi dan mengangkat kedudukan ilmu dan ilmuwan, mempunyai matlamat dan pendekatan yang bersepadu, sama ada dari aspek jenis dan kategori ilmu yang boleh dan patut dipelajari, mahupun dalam hal berkaitan matlamat pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu tersebut.<sup>5</sup> Islam misalnya menekankan aspek “ketuhanan” dalam segenap proses ilmu, bermula dari aspek pencapaian ilmu, tujuan belajar, seterusnya tanggungjawab setelah belajar, merangkumi pengajaran dan penyebaran ilmu.<sup>6</sup> Al-Qur’an dalam konteks ini menegaskan:

“Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-hambaNya, hanya ulama” (*Fāṭir*, 35: 28).

Dalam ayat yang lain ditegaskan bahawa “pembacaan” hendaklah dilakukan dengan nama Tuhan kerana sesungguhnya Dialah sebenarnya yang mengajar manusia.<sup>7</sup> Mengulas ayat ini, Abū al-Ḥasan al-Nadwī menegaskan bahawa “kesilapan besar sebelum ini ialah memutuskan hubungan di antara ilmu pengetahuan dan pencipta. Kesannya, hilang matlamat dan haluan pembelajaran, seterusnya terpesong dari landasan yang sepatutnya.”<sup>8</sup>

Proses ilmu, sama ada pengajaran ataupun pembelajaran, bersifat dinamik dan berpanjangan. Ia lebih menekankan aspek tegur menegur dan saling memperingati antara satu sama lain. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan tetaplah memberi peringatan kerana sesungguhnya

<sup>5</sup> Lihat *Ibid.*, h. 3-9 dan h. 15-6, Wan Mohd Nor Wan Daud, “Konsep Ilmu dan Implikasi Kepada Perkembangan Kurikulum” dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 2: Bil. 1, 1989; (Kuala Lumpur: ABIM), h. 26-32 dan Mohd Yusof Othman, *Isu-isu Dalam Ilmu dan Pemikiran*, (Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd., 1998), h. 35-41.

<sup>6</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Dār Nahr al-Nīl, t.t.), 1:10-6. Juga W. M. Nor, *Budaya Ilmu*, h. 27-8.

<sup>7</sup> al-‘Alaq, 96: 1-5

<sup>8</sup> Al-Nadwī, S. Abū al-Ḥasan, “Ilmu Pengetahuan dan Tanggungjawab Ilmuwan”, terjemahan dan edit oleh Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Ilmu dan Sarjana Menurut al-Nadwī: Suatu Review dan Teks” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 11, Julai 2000, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.), h. 145.

peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman”  
(*al-Dhāriyāt*, 51: 55)

Dan firmanNya lagi:

“Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui” (*al-Nahl*, 16: 43).

Proses ini juga hendaklah seiring dengan perkembangan mental, spiritual, emosi dan fizikal manusia. Ilmu dalam Islam berkait rapat dengan amanat dan tanggungjawab manusia kepada Penciptanya mahupun terhadap sesama makhluk. Realiti ini menuntut pembelajaran, pengajaran dan pengembangan ilmu yang berterusan bersesuaian dengan tuntutan masa dan tempat. Ini kerana kejahilan merupakan punca segala kesulitan yang menghalang amanat dan tanggungjawab ini dilaksanakan dengan jayanya.<sup>9</sup> Oleh yang demikian menuntut ilmu adalah suatu kewajiban bagi setiap Muslim<sup>10</sup> dan pembelajaran hendaklah berterusan sehingga ke akhir hayat.<sup>11</sup>

Konsep ilmu dalam Islam amat luas pengertiannya. Secara dasar, semua ilmu yang tidak bercanggah dengan Islam dan berfaedah kepada umat Islam diharuskan pengajaran dan pembelajarannya. Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran ini hendaklah didahului dan disertakan dengan kefahaman dan ilmu-ilmu asas Islam, iaitu apa yang disebut sebagai ilmu fardu ‘ain.<sup>12</sup> Penguasaan ilmu-ilmu asas Islam ini, seiring dan setanding dengan kepakaran dalam bidang-bidang ilmu lain yang diharuskan, iaitu ilmu-ilmu fardu kifayah, akan menghasilkan individu-individu yang bermutu dari segi keagamaan dan spiritual, di samping

<sup>9</sup> Lihat Al-Qādī, A. ‘Arafāt, “Khaṣā’iṣ al-Tarbiyah al-Islāmiyyah” indā al-Imām al-Ghazālī”, hadiah *Majalah al-Azhar*, Rabi‘ al-Awwal, 1416H/1996M., (Kaherah: al-Azhar), h. 16 dan Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy*, p. 69-72.

<sup>10</sup> Ibn ‘Abd al-Barr, *Jāmi‘ Bayān*, 1: 7-9.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 1: 95-6 dan Al-Zarnūjī, *Ta’līm*, h. 152.

<sup>12</sup> Lihat Ibn ‘Abd al-Barr, *Jāmi‘ Bayān*, 1: 10-13, al-Ghazālī, *Ihyā’*, 1: 18-31 dan al-Qādī, *Khaṣā’iṣ*, h. 20-6.

keduniaan dan material, iaitu individu yang digelar oleh al-Attas sebagai “manusia yang baik” atau “insan adabi.”<sup>13</sup>

### **Al-Zarnūjī dan Kitāb *Ta’līm al-Muta’allim Ṭarīq al-Ta’allum***

Sebelum dibentangkan secara khusus tentang falsafah pengajaran dan pembelajaran, dikemukakan terlebih dahulu pengenalan ringkas tokoh dan karyanya yang menjadi topik kajian ini.

#### **a. Burhān al-Dīn al-Zarnūjī**

Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, yang juga dikenali sebagai “Burhān al-Islām al-Zarnūjī, penuntut pengarang al-Hidāyah”, berasal dari daerah Zarnuj, sebuah daerah sama ada di Turki ataupun di Transoxiana.<sup>14</sup> Beliau adalah seorang *faqih* bermazhab Hanafi. Beliau hidup sekitar akhir kurun ke-12 dan awal kurun ke-13 Masihi atau sebagaimana yang ditegaskan oleh Muḥammad ‘Abd. al-Qādir, iaitu antara tahun 593-620H.<sup>15</sup> Beliau disifatkan oleh Grunebaum sebagai salah seorang tokoh penulis Islam yang memperkata dan membincangkan permasalahan pendidikan dan pembelajaran di zaman Kurun Pertengahan.<sup>16</sup>

<sup>13</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, p. 150-1 dan Idem, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001), h. 43. Lihat juga W.M. Nor W. Daud, *Insan Baik*, h. 8-9 dan 10-19.

<sup>14</sup> Muḥammad ‘Abd al-Qādir Ahmad, “al-Imām Burhān al-Islām al-Zarnūjī Tilmidh Ṣāhib al-Hidāyah”, dalam Al-Zarnūjī, *Burhān al-Islām*, Kitāb Ta’līm al-Muta’allim Ṭarīq al-Ta’allum, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir Ahmad, (Kaheerah: Matba’ah al-Sa’ādah, 1986), h. 10.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 14.

<sup>16</sup> G. E. Von Grunebaum and Theodora M. Abel, “An Introduction”, in al-Zarnūjī, *Instruction of the Student: The Method of Learning*, transl. by Grunebaum and Abel, (New York: King’s Crown Press, 1947), p. 1. Perlu ditegaskan di sini bahawa para pengkaji Barat umumnya sering menilai dan mengklasifikasikan penilaian mereka terhadap tamadun lain khususnya tamadun Islam berdasarkan neraca dan sejarah mereka. Di dalam konteks ini, era Kurun Pertengahan (*Medieval Age*), yang dikaitkan dengan zaman al-Zarnūjī, mempunyai konotasi yang negatif di dalam sejarah peradaban Barat. Ia, secara sengaja ataupun tidak, seakan cuba merendahkan kredibiliti dan ketokohan al-Zarnūjī dengan mengaitkannya dengan zaman kegelapan Barat,

**b. Kitāb *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum***

Al-Zarnūjī dalam karyanya ini secara umumnya tidak mengemukakan suatu yang baru sepenuhnya, sama ada dari segi pendekatan mahupun kandungan perbincangan.<sup>17</sup> Ia lebih bersifat himpunan dan ulasan terhadap apa yang telah dikemukakan oleh para ilmuwan sebelumnya. Namun begitu, karya ini dilihat dari aspek pengkhususan kajian sebagai suatu contoh karya agung dalam bidangnya.<sup>18</sup> Ini meletakkan karya ini pada suatu kedudukan tertentu dalam rangkaian karya-karya agung para ilmuwan awal Islam dalam bidang ini seperti *Kitāb al-'Ālim wa al-Muta'allim* oleh Imām Abū Hanīfah (m. 150H./767M.), *Kitāb Adab al-Mu'allimin* oleh Ibn Sahnūn (m. 226H./840M.), al-Jāhiz (m. 255H./868M) dalam kitabnya *al-Bayān wa al-Tabyīn* dan juga dalam *Risālah al-Mu'allimin*, Imām al-Turmudhī (m. 280H./893M.) dalam *Kitāb al-'Ālim wa al-Muta'allim* dan sebagainya.<sup>19</sup>

Karya ini, yang merupakan satu-satunya karya al-Zarnūjī yang wujud, dikatakan ditulis pada tahun 599H./1203M.<sup>20</sup> Ia disusun dan ditujukan kepada para penuntut dengan harapan dapat memberi suatu panduan kepada mereka dalam mengharungi alam pembelajaran.<sup>21</sup> Ini menjelaskan kenapa perbincangan yang dikemukakan di dalam karya ini adalah ringkas dan padat.

Kepentingan karya ini terbukti dari keperihatinan umat Islam terhadapnya, khususnya oleh para ilmuwan dan penuntut. Ini disokong dengan munculnya ulasan (*sharḥ*) seperti *Sharḥ Ta'lim al-Muta'allim* oleh Shaykh Ibrāhīm b. Ismā'il<sup>22</sup> dan *Tafhīm al-*

tanpa dijelaskan bahawa pada masa yang sama suasana dan perkembangan di Dunia Islam adalah sama sekali berbeza dengan apa yang berlaku di Barat.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 1.

<sup>18</sup> M. A. al-Qādir, *al-Imām Burhān al-Islām*, h. 27.

<sup>19</sup> Al-Khaimī, Ṣalāh Muḥammad dan Nadhīr Ḥamdan, Muqaddimah al-Tahqīq, dalam al-Zarnūjī, *Ta'lim al-Muta'allim fī Tariq al-Ta'allum*, ed. S.M al-Khaimī dan N. Ḥamdan, (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1987), h. 5-13.

<sup>20</sup> Grunebaum et. al., *An Introduction*, p. 2.

<sup>21</sup> A-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 81-2.

<sup>22</sup> Cetakan Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1342 H.

*Mutafahhim 'alā Ta'lim al-Muta'allim* oleh 'Uthmān Bazārī<sup>23</sup> dan terjemahan karya ini ke dalam berbagai-bagai bahasa termasuk Bahasa Latin, Turki dan Inggeris.<sup>24</sup> Di Alam Melayu, buku ini telah diterjemahkan oleh Muḥammad Syāfē'ī b. 'Abdullah Rengkul Fatāni dengan judul *Kitab Pelita Penuntut* sekitar tahun 1357H/1938M dan diterbitkan oleh Percetakan al-Ma'ārif, Pulau Pinang (t.t.). Pemerhatian umum terhadap edisi Melayu ini menunjukkan bahawa penterjemah tidak hanya menterjemah teks secara khusus, tetapi ia diselitkan dengan huraian-huraian yang mungkin berpandukan *Sharḥ Ta'lim al-Muta'allim* oleh Shaykh Ibrāhīm b. Ismā'il di atas.

Al-Zarnūjī dalam karyanya ini menggunakan pendekatan yang cukup baik dalam menyetengahkan pandangan dan motivasinya berkenaan bidang pembelajaran. Ini diakui oleh Grunebaum sebagai suatu sumbangan besar al-Zarnūjī dalam isu proses pembelajaran.<sup>25</sup> Kebiasaannya ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi s.a.w. yang berkaitan dikemukakan. Seterusnya didokong pula oleh kata-kata para Sahabat r.a., kata-kata para tokoh ilmuwan dan para pujangga serta pengalaman mereka menuntut ilmu, di samping bait-bait syair yang cukup indah bahasa dan maknanya. Kesemua elemen-elemen ini cukup berkesan dalam membangkitkan kesedaran dan motivasi kepada pembaca kerana ia menggabungkan antara tuntutan atau tanggungjawab agama melalui al-Qur'an dan hadis, dan seruan akal dan emosi melalui kata pujangga dan bait syair.

### **Beberapa Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran al-Zarnūjī**

Proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memastikan segala matlamat dan cita-cita ke-ilmuwan dapat dicapai secara menyeluruh. Kegagalan proses ini, sama ada yang melibatkan faktor guru ataupun penuntut, pasti akan membuahkan kekeliruan dan kemunduran Ummah. Fenomena ini

<sup>23</sup> Cetakan Istanbul: al-Maktabah al-Maḥmūdiyyah, t.t.

<sup>24</sup> M. A. al-Qādir, *al-Imām Burhān al-Islām*, h. 32-4.

<sup>25</sup> Grunebaum et. al., *An Introduction*, p. 2.



adalah suatu fenomena yang serius dan perlu diatasi sebelum apa-apa perancangan lanjut berkaitan pendidikan dan kurikulum dikemukakan. Fenomena yang sama berlaku pada zaman al-Zarnūjī yang seterusnya mendorong beliau menyusun karyanya ini.<sup>26</sup>

Guru dan penuntut sebenar adalah suatu “pangkat” yang relatif, dengan maksud setiap individu manusia sebenarnya atau sepatutnya adalah penuntut kepada orang yang mengajarnya. Dalam masa yang sama dia juga bertindak sebagai guru kepada orang lain yang memerlukan ilmu dan panduan. Jadi, dalam konteks ini sesuatu yang patut difahami dan dihayati oleh seseorang penuntut sebenarnya juga adalah apa yang sepatutnya difahami dan dihayati bahkan ditonjolkan oleh seorang guru. Tambahan pula, guru berperanan menampilkan imej dan model yang baik untuk penuntutnya kerana keterampilan guru sebenarnya adalah suatu “ilmu” yang patut dipelajari oleh penuntut. Oleh yang demikian realiti dan konsep yang akan diperkatakan di bawah, sebagaimana yang dirakamkan oleh al-Zarnūjī dalam karyanya ini, adalah bertepatan dan sesuai untuk semua; guru dan penuntut.

### **Hakikat dan Kedudukan Ilmu**

Kedudukan ilmu dan ilmuwan dalam Islam sebagaimana yang dihuraikan sebelum ini adalah jelas. Fakta dan hakikat berkaitan ilmu dan ilmuwan ini cuba dikembangkan oleh al-Zarnūjī sebagai suatu asas utama yang seharusnya dihayati oleh seseorang penuntut sebelum atau semasa mereka mengharungi proses pembelajaran. Huraian tentang hakikat ini ada yang dijelaskan secara khusus di dalam fasal-fasal buku ini seperti *Fasal Tentang Hakikat Ilmu, Fiqh dan Kelebihannya, Fasal Tentang Keagungan Ilmu dan Ahlinya* dan sebagainya dan ada yang disebut secara tidak langsung di dalam fasal-fasal yang lain.

Secara dasarnya, seseorang manusia tidak akan berusaha untuk mengejar dan mendapatkannya “sesuatu” yang dia sendiri tidak pasti akan hakikat dan kedudukannya. Hal yang sama berlaku dalam pembelajaran dan pengajaran. Seseorang penuntut tidak

<sup>26</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 81-2 dan Grunebaum, et. al., *An Introduction*, p. 2.

akan berusaha bermati-matian membaca dan mentelaah jika dia tidak pasti tentang hakikat dan kepentingan ilmu yang dia keajari. Begitu juga, seseorang pengajar tidak akan berusaha mencari pendekatan terbaik dalam menyampaikan suatu ilmu jika dia tidak sedar akan hakikat dan kedudukan ilmu tersebut. Namun begitu, persoalannya ialah apakah “hakikat” dan “kedudukan” ilmu yang difahami oleh penuntut dan guru itu adalah sebenar-benarnya hakikat? Apakah kriteria dan pengukur sebenar perkara ini? Apakah ianya kebendaan dan keduniaan, atau ia merangkumi kerohanian dan akhirat jua?

Sebelum dikemukakan pandangan dan saranan al-Zarnūjī tentang perkara ini, perlu diingatkan bahawa golongan yang tidak memahami tradisi ilmu dalam Islam, khususnya golongan orientalis, menganggap bahawa proses dan usaha mencapai ilmu tiada kaitan dengan usaha peningkatan iman dan menghampirkan diri kepada Allah SWT. Ini membentuk suatu bentuk dualisme dalam kehidupan manusia. Grunebaum misalnya beranggapan bahawa perkara-perkara ritual dan tanggungjawab keagamaan yang diperkatakan oleh al-Zarnūjī dalam karyanya ini tidak ada kesan dan kaitan dengan persoalan pendidikan.<sup>27</sup> Persepsi sebegini dapat diperhatikan dalam masyarakat kini yang, secara sedar ataupun tidak, tidak begitu prihatin terhadap sahsiah individu seseorang ilmuwan berbanding keprihatinan mereka terhadap kepakarannya. Hasilnya lahir pakar yang tidak beretika, “pagar makan padi” dan “sokong membawa rebah”. Ini sama sekali bercanggahan dengan matlamat pendidikan dalam Islam yang lebih menekankan pembentukan manusia yang baik (*ṣāliḥ*) dan bukan sekadar melahirkan profesional dan pakar semata-mata.<sup>28</sup>

Ilmu menurut al-Zarnūjī adalah suatu ciri istimewa yang ada pada manusia. Ia juga merupakan pembeza antara manusia dengan makhluk-makhluk lain termasuk binatang dan malaikat.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> *Ibid.*, p. 3.

<sup>28</sup> Lihat al-Attas, *Islam and Secularism*, p. 150-1 dan *Idem*, *Risalah*, misalaya h. 37-46. Juga W. M. Nor, *Insan Baik*, h. 10-19 dan Faisal Osman, *Pendidikan Islam*, h. 15.

<sup>29</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 85.

Kemuliaan yang dikurniakan kepada manusia sebenarnya berteraskan kemuliaan ilmu itu sendiri kerana ilmu menurut al-Zarnūjī merupakan jalan kepada ketakwaan.<sup>30</sup> Al-Zarnūjī mendefinisi ilmu sebagai “suatu sifat yang mana seseorang yang memilikinya berkemampuan untuk memahami sesuatu sebagaimana ia”. Manakala *fiqh* pula dijelaskan sebagai “mengetahui fakta-fakta terperinci sesuatu ilmu (*daqā’iq al-‘ilm*) beserta cara menanganinya.”<sup>31</sup> Beliau dalam konteks ini mengaitkan antara ilmu dan amal, bahkan menegaskan bahawa manusia bertanggungjawab memastikan pelaksanaan kedua-dua aspek tersebut demi keredaan Allah SWT dan kebahagiaan dunia serta akhirat.<sup>32</sup>

Dalam memastikan perkara ini dapat direalisasikan dengan berkesan, al-Zarnūjī membawa pendekatan pembahagian ilmu kepada fardu ‘ain dan fardu kifayah. Ini kerana, merujuk kepada hadis yang menyebut bahawa menuntut ilmu itu adalah suatu yang difardukan ke atas setiap muslim dan muslimah, beliau menegaskan bahawa tidak semua ilmu diwajibkan kepada semua muslim. Hanya ilmu fardu ‘ain sahaja yang wajib bagi setiap muslim, manakala ilmu dari kategori fardu kifayah pula, adalah untuk golongan tertentu dan tidak melibatkan semua individu ummah.<sup>33</sup> Hubungan antara ilmu fardu ‘ain dengan ilmu fardu kifayah menurut al-Zarnūjī adalah umpama makanan dan ubat kerana manusia sentiasa memerlukan makanan untuk hidup, sebaliknya ubat hanya diperlukan pada keadaan dan ketika tertentu sahaja.<sup>34</sup>

Berdasarkan huraian di atas, ilmu merupakan suatu elemen penting yang mesti diperjuangkan. Ini kerana manusia tanpa ilmu akan hilang keistimewaan dan kemuliaannya, bahkan pudar “kemanusiaan”nya. Di samping itu, ilmu tanpa amal atau iltizam tidak mungkin dapat membuahkan hasil pembentukan manusia

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 86.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 91.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 83-88. Juga W. M. Nor, *Budaya Ilmu*, h. 26-7.

<sup>34</sup> Al-Zarnūjī, *Ta’lim*, h. 88-89.

yang baik yang seterusnya memungkinkannya mencapai kejayaan di dunia mahupun di Akhirat. Dalam mencapai matlamat ini, pembelajaran dan pengamalan sesuatu ilmu mengikut keutamaannya hendaklah jelas dan tidak terkeliru agar ilmu asas didahulukan sebelum ilmu-ilmu yang lain diketengahkan. Konsep-konsep ini perlu difahami dan dihayati oleh setiap penuntut dan guru bahkan oleh golongan pemegang polisi pendidikan agar pencapaian matlamat pendidikan yang bersepadu dapat dipastikan.

### **Pemilihan Ilmu dan Guru**

Proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan berkait rapat dengan bidang ilmu yang dipelajari atau diajar. Penuntut biasanya akan lebih tekun mempelajari bidang ilmu yang diminatinya, manakala guru pula akan lebih berkemampuan mengajar cabang ilmu yang disukai dan dikuasainya. Dari aspek yang lain pula, tidak semua guru dapat melaksanakan tugasnya dengan baik dan berkesan. Dalam masa yang sama, mutu seseorang penuntut biasanya dipengaruhi antara lain oleh faktor guru. Fakta-fakta ini menjelaskan kenapa al-Zarnūjī menekankan aspek pemilihan ilmu dan guru, bahkan pemilihan teman dalam pengajian.

Dalam perbincangan berkenaan kategori ilmu fardu 'ain dan fardu kifayah di atas, seseorang penuntut sepatutnya dapat menentukan apakah ilmu yang sepatutnya dipilih dan didahulukan pembelajarannya. Namun begitu, al-Zarnūjī ada menggariskan beberapa kriteria yang perlu diambilkira dalam memilih ilmu dan guru.

Menuntut ilmu adalah suatu perkara yang penting dalam Islam. Oleh yang demikian, ia sepatutnya tidak diambil mudah oleh mana-mana penuntut. Persoalan memilih ilmu-ilmu atau bidang yang ingin dipelajari merupakan antara perkara pokok yang mesti diberikan perhatian serius kerana kesilapan dalam memilih bidang atau ilmu yang dipelajari boleh merugikan masa dan tenaga penuntut. Jadi, berlandaskan prinsip umum yang digariskan oleh Islam, iaitu prinsip *syura* atau berbincang dan bermesyuarat, al-Zarnūjī menyarankan agar seseorang penuntut menyelidiki dan

bermesyuarat khususnya dengan guru atau pakar terlebih dahulu tentang sesuatu bidang ilmu sebelum membuat keputusan.<sup>35</sup> Ini antara lain untuk memastikan bahawa ilmu yang dipelajarinya itu sesuai dengan keperluan dan kesediaannya.<sup>36</sup>

Seseorang penuntut itu, menurut al-Zarnūjī lagi, hendaklah mendahulukan ilmu yang paling asas, jelas dan yang paling berfaedah baginya, khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu utama dalam agamanya seperti ilmu Tauhid dan sebagainya. Ia juga perlu mengutamakan ilmu-ilmu yang sudah "pasti" atau yang telah sempurna perkembangannya (*al-'atiq*).<sup>37</sup> Ini semua bertujuan memastikan penuntut mendapat pendidikan asas terlebih dahulu sebelum menerokai cabang-cabang ilmu yang lain. Dengan itu, seseorang penuntut tidak akan mudah "hilang punca" dalam perjalanannya mencari ilmu dan kebenaran.<sup>38</sup> Hal ini sesuai dengan prinsip epistemologi Islam yang menekankan asas dan dasar yang jelas terlebih dahulu sebelum menceburi bidang yang samar atau dengan kata lain mempersiapkan diri dengan kefahaman tentang fardu 'ain sebelum melibatkan diri dengan pengkajian fardu kifayah.

Manakala dalam memilih guru pula, terdapat tiga unsur penting yang digariskan oleh al-Zarnūjī iaitu keilmuan, kewarakan dan umur atau senioriti. Seseorang penuntut sepatutnya memilih guru yang mencapai tahap terbaik dalam ketiga-tiga aspek di atas.<sup>39</sup> Unsur-unsur ini jika diperhatikan cukup jelas kepentingannya sama ada dalam aspek pencapaian akademik penuntut mahu pun dalam aspek pembentukan individu penuntut. Ini selaras dengan falsafah pendidikan Islam yang bukan sahaja ingin melahirkan ilmuwan dan guru yang pakar tetapi yang lebih penting ialah ilmuwan dan guru yang baik dan bertanggungjawab. Apa

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 100-1.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 113-4 dan Grunebaum et. al., *An Introduction*, p. 4.

<sup>37</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 98-9.

<sup>38</sup> Grunebaum et. al., *An Introduction*, p. 4.

<sup>39</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 99-100.

yang mungkin cuba ditonjolkan juga oleh al-Zarnūjī di sini ialah kaitan antara ilmu, wara' dan umur. Berdasarkan susunan yang dikemukakan oleh al-Zarnūjī ini, jelas bahawa aspek ilmu dan kepakaran merupakan perkara pokok yang mesti diutamakan dalam memilih guru, diikuti dengan aspek wara' atau yang lebih umum aspek keperibadian guru dan yang akhir adalah umur atau senioriti guru. Fakta ini juga secara tidak langsung mengisyaratkan dan menjelaskan beberapa hakikat berhubung dengan guru, antaranya, ialah tidak semestinya orang yang alim atau berilmu itu wara' atau mempunyai keperibadian yang baik dan bukan semua yang berumur dan senior itu semestinya mempunyai kepakaran dan keilmuwan terbaik. Ini juga memberi gambaran bahawa dalam kes-kes tertentu, misalnya dalam keadaan di mana guru berkepakaran namun tidak mempunyai keperibadian yang baik, para penuntut hendaklah pandai membezakan antara ilmu yang diajarinya dan perangai atau sikap yang dipertontonkan oleh guru tersebut.

Seperkara lagi yang menarik, bahkan penting diketengahkan, ialah persoalan adab penuntut ketika memilih guru. Al-Zarnūjī menasihatkan agar seseorang penuntut membuat pemerhatian dan penelitian yang baik terlebih dahulu terhadap seseorang guru yang akan dipilihnya. Dia tidak sepatutnya mengikuti kelas seseorang guru melainkan setelah dia benar-benar berpuas hati dengan kewibawaannya. Ini untuk mengelakkan daripada menyakiti hati guru dan merugikan masa penuntut. Ini kerana penuntut yang tidak betul-betul berpuas hati dengan keupayaan seseorang guru mungkin akan menyesal mengikuti kelas guru tersebut. Penyesalan ini akan mendorongnya untuk tidak memberi perhatian yang serius di dalam kelas ataupun berhenti dari terus mengikutinya dan berpindah kepada guru yang lain. Hal ini akan merugikan penuntut kerana dia tidak mungkin dapat menguasai ilmu yang dipelajarinya bahkan sebaliknya akan mengakibatkan guru tersebut sedih dan berkecil hati dan ini akan menghilangkan keberkatan belajar. Oleh yang demikian, beliau menyarankan agar seseorang penuntut itu bersabar dan tekun mengikuti kursus atau kelas seseorang guru setelah dia memilihnya sehingga selesai.<sup>40</sup>

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 101-2.

Demikian, dapat diperhatikan banyak perkara dan adab yang patut difahami oleh seseorang penuntut dalam usahanya menuntut ilmu dan mencapai hasil yang terbaik. Ia merangkumi aspek ilmu-ilmu yang patut didahulukan dan diperlengkapkan. Ia juga berkait dengan pemahaman tentang kenapa sesuatu ilmu itu perlu dipelajari. Di samping itu, penuntut juga perlu jelas tentang apa yang patut dipelajari dari seseorang guru, apakah kepakarannya semata-mata ataupun juga sikap dan keperibadiannya juga. Aspek keberkatan dalam pelajaran berhubung dengan menghormati guru juga ditekankan. Hal ini penting, bahkan jika diperhatikan ia kini merupakan suatu krisis yang serius dalam alam pembelajaran moden. Kesemua perkara ini patut diberi perhatian serius oleh bukan sahaja penuntut bahkan juga ibubapa, guru dan pihak berwajib.

### **Persediaan Mental dan Spiritual Guru dan Penuntut**

Persediaan mental dan spiritual adalah antara pra-syarat penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Dalam hal ini, guru dan penuntut tidak terkecuali kerana kedua-dua golongan ini memerlukan persediaan tersebut bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Jika diketepikan aspek kurniaan dan anugerah istimewa yang Allah SWT peruntukkan kepada hambanya yang terpilih, manusia umumnya mempunyai persediaan asas yang cukup untuk memikul dan mengharungi perjuangan keilmuan. Apa yang penting ialah mereka seharusnya sedar tentang persediaan mental dan spiritual ini, seterusnya berusaha “menggilap” dan mengaktifkannya.

Al-Zarnūjī tidak mengemukakan secara khusus suatu kaedah lengkap tentang bagaimana seseorang itu patut mempersiapkan dirinya untuk belajar dan mengajar. Namun dari pengamatan terhadap tulisannya ini, penulis merasakan terdapat banyak perkara yang boleh diketengahkan. Antara perkara-perkara tersebut, yang paling penting dan mendasar ialah persoalan niat.

Niat memainkan peranan penting dalam Islam. Ia bertindak menentukan kualiti kerja dan hasilnya. Al-Zarnūjī ada menyatakan

bahawa:

“Banyak kerja-kerja yang digambarkan sebagai kerja-kerja dunia kemudian bertukar menjadi kerja akhirat dengan sebab niat yang baik dan banyak kerja-kerja yang digambarkan sebagai kerja akhirat bertukar menjadi kerja dunia dengan sebab niat yang buruk.”<sup>41</sup>

Di dalam konteks pembelajaran dan pengajaran, niat juga berperanan. Bahkan niat boleh dijadikan suatu mekanisme penting dalam membina motivasi pengajaran dan pembelajaran.

Al-Zarnūjī mengemukakan suatu senarai niat yang jelas bagi pembelajaran dan pengajaran yang bertepatan dengan falsafah pendidikan Islam termasuk niat utama, iaitu untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan seterusnya mencapai kebahagiaan di Akhirat. Di samping itu, niat-niat lain adalah untuk membebaskan diri dari kejahilan dan dari orang-orang yang jahil, di samping menekankan matlamat menghidup dan mengekalkan keagungan Islam. Selain itu, pembelajaran dan pengajaran dilakukan untuk mensyukuri nikmat Allah SWT kepada manusia khususnya nikmat akal dan fizikal. Apa yang lebih penting lagi ialah jangan sekali-kali usaha ini didasarkan atas niat untuk mencari kebendaan dan kemuliaan dunia semata-mata.<sup>42</sup> Niat-niat sebegini jarang diperkatakan apabila membincangkan persoalan motivasi bahkan ada yang menganggapnya sebagai suatu yang terlalu ideal dan ritual khususnya dalam era materialistik kini. Jadi tidak hairan sekiranya kesan-kesan negatif pada ilmuwan moden seperti tidak ikhlas, pragmatik, berkepentingan, menjual ilmu demi pengaruh dan pangkat, dan sebagainya semakin ketara kini. Tetapi, bagaimana niat ini boleh memainkan peranan motivasi dalam diri guru ataupun murid?

Secara dasarnya, seseorang penuntut atau guru yang faham dan jelas tentang niat pembelajaran dan pengajaran tidak akan mudah terpengaruh dengan cabaran dan halangan belajar dan mengajar. Ini

<sup>41</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 91.

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 92-4.



kerana apa yang menjadi matlamat mereka ialah berkhidmat demi ilmu dan agama. Segala cabaran dan halangan akan dihadapi sebagai suatu perjuangan dan sumbangan yang balasannya hanya diharapkan daripada Allah SWT semata-mata. Ini akan melahirkan kesungguhan dan kecekalan yang jitu kerana ia dilihat sebagai tanggungjawab yang ingin dilaksanakan dan bukan yang dipaksa atau terpaksa dibuat.

Di samping itu, kejahilan dilihat sebagai suatu kekurangan dan kecacatan yang bukan sahaja akan menjerumuskan manusia ke dalam kehinaan di dunia bahkan juga di Akhirat nanti, khususnya jika ia melibatkan ilmu-ilmu agama. Jahil tentang kejahilan dan tentang orang yang jahil, akan memburukkan lagi keadaan dan mungkin melahirkan golongan yang angkuh, sombong dan tidak tahu bersyukur dengan nikmat Allah SWT yang tidak ternilai. Yang lebih membimbangkan lagi adalah kegilaan terhadap kebendaan, pangkat dan nama akan melahirkan generasi ilmuwan yang bukan sahaja akan menjual ilmu dan maruahnyanya, tetapi juga tamak, mengejar ijazah dan kerja, mengutamakan kebolehan tertentu yang diperlukan dalam kerjayanya dan tidak mengendahkan perihal kualiti dan nilai peribadi. Penuntut dan guru sebegini hanya akan berusaha meningkatkan mutu dan produk sekiranya mereka diyakinkan dengan pulangan-pulangan kebendaan tertentu. Ini berbeza dengan mereka yang memperjuangkan keredhaan Allah SWT dan keutuhan ilmu pengetahuan kerana apa yang mereka fikirkan hanyalah memberi saham dan sumbangan yang dilihat sebagai sedekah jariah untuk ummah. Kepentingan sampingan yang lain khususnya kepentingan material diambil sekadar keperluan dan ia tidak semestinya hanya diperolehi dari sumber “perdagangan” ilmu.

Di samping niat, perkara-perkara lain yang juga boleh dikaitkan dengan persediaan penuntut ialah kesedaran tentang hakikat ilmu pengetahuan. Ilmu dalam Islam adalah kurniaan dan pemberian daripada Allah SWT. Dialah sebenarnya Yang mengajar manusia apa yang manusia tidak ketahui.<sup>43</sup> Sesungguhnya

---

<sup>43</sup> Al-Qur’ān, 96: 5

kefahaman, ilmu dan taufik adalah daripada Allah SWT<sup>44</sup> dan Dialah, sebagaimana yang ditegaskan oleh Abū al-Barakāt al-Baghdādī (m. 546H/1151M), guru hakiki yang mampu menyampaikan makrifah dan bukan sekadar memaparkan fakta.<sup>45</sup> Kefahaman dan penghayatan tentang hakikat ini akan memberi kesan yang positif kepada seseorang penuntut dan guru kerana ini akan menjadikan mereka seorang yang sedar akan hubungannya dengan Pencipta. Usaha pembelajaran dan pengajaran akan diambil sebagai suatu tanggungjawab yang akan dipersoalkan nanti dan ia dipikul dengan penuh kesabaran,<sup>46</sup> tawakkal,<sup>47</sup> wara' dan bersih dari dosa,<sup>48</sup> doa<sup>49</sup> dan bersyukur.<sup>50</sup> Di samping itu, segala pencapaian dan kejayaan yang diperolehi tidak akan menjadikan mereka orang yang angkuh, takbur dan alpa. Sebaliknya di dalam konteks ini, proses pembelajaran akan dirasakan sebagai suatu proses yang berterusan kerana rahsia, ilmu dan rahmat Allah SWT tiada hadnya. Ini juga akan memastikan penuntut, juga guru, patuh dan beriltizam dengan adab ilmu seperti menghormati guru dan ilmu yang ditanggungnya.<sup>51</sup> Hasilnya, akan lahir penuntut dan guru yang bebas dari sifat dan sikap negatif sama ada berkaitan hal keduniaan mahupun hal hubungan dengan Tuhan.

### Teknik Asas Dalam Perolehan Ilmu

Persoalan perolehan ilmu merupakan antara persoalan utama yang mendorong al-Zarnūjī menyusun kitabnya ini. Ini berdasarkan

<sup>44</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 144.

<sup>45</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Konsep Ilmu dan Pembelajarannya Mengikut Pandangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī," dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 8, Disember 1998, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 102-3.

<sup>46</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim*, h. 102-3.

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 150-3.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 164-8.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 137.

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 144.

<sup>51</sup> *Ibid.* h. 106-16 dan h. 164-8.

pengamatannya terhadap realiti para penuntut zamannya yang dikatakan tidak mencapai matlamat yang sepatutnya dalam pembelajaran.<sup>52</sup>

Secara umumnya terdapat dua pendekatan yang dapat diperhatikan dalam saranan yang dikemukakan oleh al-Zarnūjī tentang teknik asas perolehan ilmu. Kedua-dua pendekatan tersebut boleh dikategorikan sebagai pendekatan motivasi dan pendekatan teknik. Pada dasarnya pendekatan motivasi lebih bersifat konseptual dan ia tetap boleh terus dihayati, manakala aspek teknik pula, pada pandangan penulis, boleh disesuaikan mengikut perkembangan masa dan kesesuaian disiplin ilmu masing-masing.

Dari aspek motivasi, al-Zarnūjī memperkatakan tentang pentingnya kesungguhan, konsisten dan minat (*himmah*) dalam menjamin perolehan ilmu. Kesungguhan dalam menuntut ilmu adalah penting bukan sahaja kepada penuntut, namun juga kepada guru dan ibubapa.<sup>53</sup> Ini merujuk kepada peranan yang penting dan berkesan yang boleh dimainkan oleh mereka dalam memastikan kejayaan penuntut dan anak-anak. Kesungguhan ini hendaklah berterusan dan konsisten semenjak dari awal proses pembelajaran lagi bagi mengelakkan tekanan dalam pembelajaran. Beliau juga dengan jelas memberi amaran agar jangan memaksa diri dalam pembelajaran kerana ini akan melemahkan badan dan mengakibatkan terbantutnya usaha.<sup>54</sup> Kesungguhan ini juga hendaklah disertakan dengan minat yang tinggi dalam pembelajaran kerana kedua-duanya adalah penting dalam menjamin pencapaian yang baik.<sup>55</sup>

Aspek-aspek kesungguhan, konsisten dan minat ini adalah berkaitan antara satu dengan yang lain. Dari sudut yang lain pula, sifat malas dilihat sebagai faktor utama yang menghalang kewujudan ketiga-tiga aspek di atas. Maksudnya pembelajaran dan pengajaran yang bersungguh, konsisten dan penuh minat tidak

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 81.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 117.

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 120-1.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 122.

mungkin dapat dipupuk dengan adanya sifat malas pada diri seseorang. Al-Zarnūjī berpendapat, kemalasan antara lain disebabkan pudarnya penghayatan terhadap kelebihan dan kemuliaan ilmu pengetahuan.<sup>56</sup> Kemalasan juga berkaitan rapat dengan faktor kualiti dan kuantiti makanan yang dimakan.<sup>57</sup> Ia juga dipengaruhi persoalan falsafah, niat dan motif utama pembelajaran sebagaimana yang dihuraikan sebelum ini. Dalam hal ini, al-Zarnūjī menegaskan bahawa sebenarnya “kelazatan ilmu, fiqh dan kefahaman adalah cukup sebagai pendorong dan penggalak bagi seorang yang berakal ke arah pencapaian ilmu.”<sup>58</sup>

Dari aspek teknik perolehan pula, para penuntut dinasihatkan agar mengambil pendekatan pemerinkatan dalam pembelajaran. Ia hendaklah dimulakan dengan yang asas dan tidak membebankan, sama ada dari segi bentuk usaha mahupun jenis pelajaran. Kemudian dipertingkatkan seterusnya ke tahap yang lebih tinggi dan mencabar. Setiap pelajaran yang dipelajari hendaklah dipastikan kefahamannya dan jangan mengambil mudah dalam hal ini. Beliau mencadangkan supaya setiap penuntut sentiasa membawa buku catatan. Setiap catatan hanya dibuat setelah dia betul-betul faham perbincangannya kerana catatan tanpa faham akan mengakibatkan perasaan jemu dan merugikan masa.<sup>59</sup> Pelajaran-pelajaran diterima hendaklah diulang-kaji dan dibincangkan demi memantapkan lagi kefahaman dan ingatan.<sup>60</sup> Seboleh mungkin, hendaklah serius dalam menangani sesuatu persoalan ilmu dan hendaklah peka terhadap pembelajaran pada setiap saat dan keadaan dan juga dari semua individu atau sumber.<sup>61</sup>

Demikian saranan yang dikemukakan oleh al-Zarnūjī demi memberi kesedaran dan keperihatinan tentang proses pembelajaran yang berterusan dan sepenuh masa. Walau bagaimanapun, beliau

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 125.

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 131-3.

<sup>58</sup> *Ibid.* h. 131.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 135-7 dan h. 161-2.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 139-40.

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 141-2.

juga ada menegaskan bahawa setiap individu seharusnya mengenalpasti cara untuk mengelakkan rasa jemu terhadap pelajaran yang dipelajarinya. Suatu contoh yang disebut oleh al-Zarnūjī di sini adalah penglibatan diri seseorang penuntut dengan bidang-bidang ilmu lain yang mungkin dapat menghilangkan tekanan pembelajaran, seperti membaca syair-syair dan sebagainya.<sup>62</sup> Ini dalam konteks masa kini mungkin boleh diumpamakan dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya.

Seperkara lagi yang penting diketengahkan di sini ialah seseorang itu hendaklah sentiasa fokus dan menumpu sepenuhnya perhatian terhadap pelajaran dan jangan sekali-kali mencampurkan urusan pembelajaran dengan masalah lain termasuk persoalan mencari rezeki.<sup>63</sup> Saranan sebegini sememangnya perlu diketengahkan dan diperjelaskan khususnya di dalam era “belajar hanya untuk kerja atau ijazah” yang menghantui masyarakat penuntut dan pengajar kini.

### Kesimpulan

Secara umumnya falsafah pendidikan yang dikemukakan oleh al-Zarnūjī dalam karyanya ini boleh disifatkan sebagai satu daripada rangkaian siri kefahaman para sarjana Islam lampau terhadap konsep pendidikan Islam. Kandungan kitab ini secara umumnya tidak banyak berbeza dengan apa yang disajikan oleh pemikir dan ilmuwan agung Islam yang lampau seperti Ibn ‘Abd al-Barr (m. 463H./1070M.) dalam *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍliḥ* dan al-Ghazālī (m. 505H./1111M.) dalam *Ihyā‘* terutama dalam *kitāb al-‘Ilm*.

Konsep-konsep ini, walaupun tampak agak abstrak dan ideal terutamanya bagi mentaliti materialistik moden, namun kepentingannya tidak dapat dinafikan. Sesungguhnya tanggapan bahawa “era perbincangan yang bersifat konseptual sudah selesai

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 154-5.

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 150-3.

diperkatakan dan tidak perlu lagi diketengah atau ditekankan” adalah tidak tepat, bahkan ia sebenarnya boleh disifatkan sebagai satu daripada manifestasi mentaliti di atas. Ini kerana apa sahaja pendekatan perlaksanaan pendidikan yang hendak dijalankan tidak akan dapat dijayakan tanpa kefahaman dan penghayatan yang betul-betul jelas. Perbincangan konseptual sebegini sepatutnya dikemukakan secara berterusan seiring dan senada dengan usaha-usaha merealisasikannya. Ia hendaklah diambil sebagai suatu mekanisme yang berfungsi memberi kefahaman kepada yang belum memahaminya atau sebagai peringatan kepada yang pernah memikirkannya.